

# Kementerian Kewangan dan CDCSB Sertai Acara OIC



Kementerian Kewangan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) bersama hampir 500 pempamer domestik dan antarabangsa yang lain telah menyertai 4th OIC (Organisation of Islamic Countries) World Biz 2013 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Acara empat hari itu bermula pada 25 September dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Terdiri daripada pelbagai negara anggota OIC dan rakan niaga mereka seperti Korea dan China, persidangan ini telah membuka peluang untuk CDCSB memberi pendedahan tentang sistem perolehan sektor awam elektronik baharu yang sedang dibangunkan iaitu NextGen ePerolehan.

Bagi CDCSB, persidangan 4th OIC World Biz 2013 yang diadakan ini adalah landasan yang penting dan sesuai untuk syarikat mengetengahkan penglibatannya didalam menjayakan projek ePerolehan disamping dapat mengumpul profil daripada delegasi yang hadir pada acara tersebut.

Setelah lebih sedekad mengoperasi dan mengawal selia sistem ePerolehan, CDCSB sebagai satu-satunya syarikat yang menawarkan sistem perolehan sektor awam elektronik di negara ini bersedia untuk memperkenalkan NextGen ePerolehan ke mata dunia dan menjadikan sistem baharu itu sebagai kayu pengukur sistem perolehan lain yang akan datang.

Selain pameran, aturcara lain pada 4th OIC World Biz 2013 termasuklah tiga persidangan yang berasingan yang membincangkan potensi ekonomi, pelancongan dan pendidikan di dalam kalangan negara anggota OIC dan rakan niaga mereka.

Pameran dibuka pada orang ramai pada hari akhir acara iaitu pada 28 September 2013.

# Pertandingan Memasak CDCSB Meriah

Anjuran pertandingan memasak ePerolehan telah menjadi tarikan pengunjung ke tapak pameran Unit ePerolehan sempena Hari Terbuka Kementerian Kewangan, Sarawak yang berlangsung pada 29 Ogos 2013 di Akademi Kastam DiRaja Malaysia (AKMAL), Jalan Matang, Kuching.

Hari Terbuka ini di telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II, dan dihadiri YBhg. Datuk Nozirah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan). Hadir bersama ialah Encik Mohamed Jusoh, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan dan Puan Norhisah Mohd Nor, Ketua Pegawai Operasi Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB).



Pertandingan memasak yang diadakan selama dua hari iaitu sehingga 30 Ogos 2013 telah disertai seramai 11 peserta yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuk pesara dan kakitangan awam.

Pada peringkat akhir pertandingan ini, peserta ditugaskan untuk menyediakan hidangan utama wajib iaitu 'rendang daging dendeng'.

Ternyata hidangan Puan Rokayah Dan telah berjaya mencuit selera para hakim yang membolehkannya muncul juara dan menerima hadiah wang tunai RM500, hamper serta cenderamata.



Pertandingan telah diadili oleh Encik Abdul Hakim Abdillah, seorang chef untuk sebuah syarikat cari gali minyak yang bertindak sebagai ketua hakim, Puan Nur Amira @ Candice Abdullah, wakil penganjur dan Puan Sukayah Hj Anis yang mewakili Pawada Food Industries, penaja utama pertandingan.

Tempat kedua dan ketiga menjadi milik dua pasangan iaitu Kumpulan KESUPEN yang terdiri daripada Puan Noriah Hj Sahada dan Puan Julia Abdul Sani dan kumpulan D'Hasil yang diwakili Puan Noriada Basri dan Puan Asmawati Ramli.

Hadiah disampaikan oleh Encik Shafri Mukhtah, Ketua Unit Kawalan dan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia Sarawak.



# Kemeriahian Aidilfitri Terasa Hingga 30 Syawal

Majlis Aidilfitri anjuran Unit ePerolehan dan Commerce Com Sdn Bhd (CDCSB) telah berlangsung dengan meriah biarpun diadakan pada 30 Syawal bersamaan 6 September 2013.

Bertempat di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya majlis ini turut mendapat kunjungan hormat daripada YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Antara jemputan kenamaan yang menyerikan majlis adalah YBhg. Datuk Nozirah Bahari, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) dan Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengurus CDCSB. Turut hadir ialah Encik Mohamed Jusoh, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Kementerian Kewangan dan Encik Muzafer Kamal Shahaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif CDCSB.

Bermacam juadah disajikan untuk dinikmati oleh para jemputan. Nasi minyak ala kenduri kahwin dan kambing golek antara hidangan yang menarik perhatian ramai.

Disamping menikmati juadah, pengunjung dihiburkan dengan dendangan lagu oleh kumpulan ghazal Orkes Melayu Nuansa dari Johor serta dihiburkan dengan selingan beberapa lagu berentak Bollywood dalam memeriahkan suasana Aidilfitri.

Hampir 1,700 pengunjung hadir pada majlis yang bertemakan suasana kampung yang berakhir pada pukul 4.00 petang.



# SUARA

ePerolehan

medium informasi komuniti ePerolehan



## 1. PENGENALAN

Sepanjang tahun 2013, Unit eP telah mengambil inisiatif dengan mengadakan penambahbaikan ke atas sistem ePerolehan (eP) yang melibatkan modul Kontrak Kementerian dan Pembelian Terus.

Penambahbaikan kedua-dua modul ini merupakan sebahagian daripada usaha Unit eP untuk meningkatkan lagi transaksi penggunaan eP di kalangan pengguna dengan menyediakan beberapa fungsi dan keperluan tambahan agar penggunaan kedua-dua modul ini lebih mudah dan sekaligus memenuhi keperluan semasa pengguna dalam melaksanakan urusan perolehan Kerajaan.

## 2. SENARAI PENAMBAHBAIKAN

Sebanyak lima (5) **release** atau jadual pelaksanaan serta satu (1) jadual penyelenggaraan sistem yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 seperti berikut:

Jadual	Tarikh Pelaksanaan	Modul	Keterangan Penambahbaikan
<b>Jadual 1</b>	<b>19 Januari 2013</b>	<b>Pengurusan Profil dan Kontrak Kementerian</b>	<p><b>Fungsi Penugasan Semula Untuk Modul Kontrak Kementerian</b></p> <p>Fungsi ini dibangunkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna Kontrak Kementerian untuk membuat penugasan semula (menjadualkan/menyerahkan transaksi perolehan kepada pegawai lain) sekiranya terdapat keperluan pegawai bercuti, berkursus atau sebagainya.</p>
		<b>Kontrak Kementerian</b>	<p><b>Fungsi Penjanaan Laporan Modul Kontrak Kementerian</b></p> <p>Fungsi penjanaan laporan disediakan bagi memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat pemantauan ke atas transaksi modul Kontrak Kementerian sistem eP.</p> <p>Melalui kemudahan ini, pengguna boleh menjana laporan berdasarkan kepada jenis pemenuhan pembekalan bagi sesuatu kontrak. Selain itu, pengguna juga boleh menjana laporan berkaitan status pembayaran sesuatu kontrak untuk tujuan pemantauan.</p>

Jadual	Tarikh Pelaksanaan	Modul	Keterangan Penambahbaikan
		Pembelian Terus	<p><b>Paparan Notifikasi Berkenaan Definisi Syarikat Pemfaktoran</b></p> <p>Paparan notifikasi berhubung definisi Syarikat Pemfaktoran disediakan bagi membolehkan pengguna merujuk definisi syarikat pemfaktoran terlebih dahulu sebelum memilih untuk memfaktorkan invois bagi sesuatu transaksi kepada Syarikat Pemfaktoran.</p>
Jadual 2	25 Januari 2013	Kontrak Kementerian	<p><b>Pengurangan Fi Perkhidmatan 0.8% kepada 0.4% ke atas Kontrak Bermasa</b></p> <p>Fungsi ini disediakan di modul Kontrak Kementerian selaras dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 2 Tahun 2013 bertajuk Perubahan Fi Perkhidmatan Bagi Perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan.</p>
Jadual 3	15 Mac 2013	Pembelian Terus	<p><b>Pengecualian Pembelian Secara Government-to-Government (G2G)</b></p> <p>Fungsi Pembelian G2G disediakan bagi membolehkan perolehan antara Jabatan/Agensi Kerajaan dengan Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan yang lain dijalankan melalui sistem eP.</p> <p>Melalui fungsi ini, semua pembelian G2G adalah tidak dikenakan fi perkhidmatan 0.8% sistem eP.</p>

Jadual	Tarikh Pelaksanaan	Modul	Keterangan Penambahbaikan
Jadual 4	13 April 2013	Kontrak Kementerian	<p><b>Fungsi Cetakan Ke Atas Dokumen Kontrak Kementerian</b></p> <p>Penambahbaikan ini dijalankan bagi menyediakan fungsi cetakan di mana pengguna diberi kemudahan untuk mencetak dokumen-dokumen yang melibatkan transaksi Kontrak Kementerian seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pesanan Kerajaan (bermasa dan <i>One-off</i>)</li> <li>2. Jadual Penghantaran (<i>Delivery Schedule</i>)</li> <li>3. Pencapaian Perkhidmatan (<i>Milestone</i>)</li> <li>4. Pesanan Kontrak <i>One-Off</i></li> <li>5. Pesanan Penghantaran</li> <li>6. Nota Penerimaan Barang</li> <li>7. Nota Pelaksanaan Perkhidmatan</li> <li>8. Invois</li> <li>9. Notifikasi Padanan Bayaran</li> <li>10. Nota Pelarasan Kredit</li> <li>11. Nota Pelarasan Debit</li> </ol>
Jadual 5	21 Jun 2013	Kontrak Kementerian	<p><b>Perolehan Kontrak Kementerian Secara Bayaran Kemajuan</b></p> <p>Fungsi ini disediakan bagi membolehkan pengguna menjalankan perolehan Kontrak Kementerian yang melibatkan jadual kerja dan pembayaran secara peratusan mengikut fasa.</p>
		Pembelian Terus	<p><b>Paparan Online Video Demo</b></p> <p>Kemudahan <i>Online Video Demo</i> disediakan bagi membolehkan pengguna membuat pratonton video ke atas sesuatu barang yang telah dimuat naik oleh pembekal di modul <i>eCatalogue</i> sebelum memulakan perolehan.</p>
		Pembelian Terus	<p><b>Semakan Item Best Buy</b></p> <p>Kemudahan semakan item <i>best buy</i> disediakan bagi membolehkan pengguna membuat semakan ke atas item-item yang mempunyai harga promosi yang dimuat naik oleh pembekal di modul <i>eCatalogue</i> sebelum memulakan perolehan.</p>

Jadual	Tarikh Pelaksanaan	Modul	Keterangan Penambahbaikan
Jadual 6 (Penyelenggaraan Sistem eP)	27 Oktober 2013	Kontrak Kementerian	<p><b>Kemudahan Untuk Menghapuskan (Delete) Dokumen Yang Berstatus "Menunggu Penciptaan" dan "Menunggu Penyerahan"</b></p> <p>Kemudahan untuk menghapuskan dokumen disediakan bagi memberi kemudahan kepada pengguna untuk menghapuskan dokumen Jadual Penghantaran (<i>Delivery Schedule</i>), Pencapaian Perkhidmatan (<i>Milestone</i>), Bayaran Kemajuan (<i>Progressive Payment</i>) dan Kontrak One-Off yang masih lagi berstatus "<b>Menunggu Penciptaan</b>" dan "<b>Menunggu Penyerahan</b>" daripada dipapar dan disenaraikan di Buletin Tindakan pengguna.</p> <p>Dokumen yang dihapuskan ini seterusnya akan direkodkan dalam <b>Diari Pengesanan (Tracking Diary)</b> dan juga di <b>Laporan Berjadual/Per Kontrak/LO One Off</b> dengan status "Dihapuskan".</p>
		Kontrak Kementerian	<p><b>Kemudahan Untuk Menghapuskan (Delete) Dokumen Yang Berstatus "Menunggu Penciptaan" dan "Menunggu Penyerahan"</b></p> <p>Kemudahan untuk menghapuskan dokumen disediakan bagi memberi kemudahan kepada pengguna untuk menghapuskan dokumen Jadual Penghantaran (<i>Delivery Schedule</i>), Pencapaian Perkhidmatan (<i>Milestone</i>), Bayaran Kemajuan (<i>Progressive Payment</i>) dan Kontrak One-Off yang masih lagi berstatus "<b>Menunggu Penciptaan</b>" dan "<b>Menunggu Penyerahan</b>" daripada dipapar dan disenaraikan di Buletin Tindakan pengguna.</p> <p>Dokumen yang dihapuskan ini seterusnya akan direkodkan dalam <b>Diari Pengesanan (Tracking Diary)</b> dan juga di <b>Laporan Berjadual/Per Kontrak/LO One Off</b> dengan status "Dihapuskan".</p>
		Kontrak Kementerian	<p><b>Hyperlink Untuk Capaian Dokumen Kewangan di Buletin Tindakan Pegawai Padanan Bayaran</b></p> <p>Column baru dan hyperlink disediakan untuk membolehkan capaian dokumen Nota Pelarasan Kredit atau Nota Pelarasan Debit atau Nota Pelarasan Kredit Kerajaan di Buletin Tindakan Pegawai Padanan Bayaran.</p>

Jadual	Tarikh Pelaksanaan	Modul	Keterangan Penambahbaikan										
		Kontrak Kementerian	<p><b>Hyperlink Untuk Capaian Dokumen Kewangan di Skrin Pegawai Padanan Bayaran</b></p> <p>Hyperlink disediakan di skrin Pegawai Padanan Bayaran bagi membolehkan capaian ke atas dokumen Nota Pelarasan Kredit atau Nota Pelarasan Debit atau Nota Pelarasan Kredit Kerajaan oleh Pegawai Padanan Bayaran di skrin tersebut.</p>										
		Kontrak Kementerian	<p><b>Penambahan Senarai Capaian Dokumen di Fungsi Carian Pelbagai</b></p> <p>Berikut adalah pertambahan senarai dokumen yang boleh dicapai oleh pengguna melalui fungsi Carian Pelbagai.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Dokumen</th><th>Peranan Pengguna</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Nota Pelaksanaan Perkhidmatan</td><td>Peminta Pelulus Pembekal</td></tr> <tr> <td>Pesanan Penghantaran</td><td>Pelulus Pegawai Penerima Barang Pembekal</td></tr> <tr> <td>Nota Penerimaan Barang</td><td>Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal</td></tr> <tr> <td>Invois</td><td>Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal</td></tr> </tbody> </table>	Jenis Dokumen	Peranan Pengguna	Nota Pelaksanaan Perkhidmatan	Peminta Pelulus Pembekal	Pesanan Penghantaran	Pelulus Pegawai Penerima Barang Pembekal	Nota Penerimaan Barang	Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal	Invois	Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal
Jenis Dokumen	Peranan Pengguna												
Nota Pelaksanaan Perkhidmatan	Peminta Pelulus Pembekal												
Pesanan Penghantaran	Pelulus Pegawai Penerima Barang Pembekal												
Nota Penerimaan Barang	Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal												
Invois	Pelulus Pegawai Padanan Bayaran Pembekal												



*"Amanah asas kejayaan dan  
berpeganglah kepada amanah  
setiap kali kita membuat sesuatu".*

Tun Dr. Mahathir Mohamad, 30 Ogos 1984, Kuala Lumpur Perutusan Hari Kebangsaan Ke-27



**Berani menegakkan KEADILAN,  
walaupun mengenai diri sendiri  
adalah puncak segala keberanian.**

- Hamka

# Laporan Latihan ePerolehan

## Januari – Disember 2013

Pada tahun 2013, latihan ePerolehan telah dijalankan oleh Unit eP dengan kerjasama Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) dan Institut Perakaunan Negara (IPN) Sabak Bernam bertempat di IPN dan ePerolehan Centre (ePC). Bagi bulan Januari sehingga Disember 2013, sebanyak 25 orang pengguna telah dilatih di bawah modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus (CCDP). Manakala 59 orang pengguna telah dilatih di bawah modul Sebut Harga, Tender dan eBidding dan bagi modul Kontrak Kementerian (MC) pula, sebanyak 130 orang pengguna telah dilatih. Statistik pelaksanaan latihan ePerolehan mulai Januari sehingga Disember 2013 boleh dirujuk di dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 seperti di bawah.

**Jadual 1 : Takwim Pelaksanaan Latihan di Institut Perakaunan Negara (IPN) 2013**

BIL.	MODUL	SESI	TARIKH
1.	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus (CCDP)	1	19 – 21 Februari 2013
2.	Sebut Harga, Tender dan eBidding	1	5 – 7 Mac 2013
3.	Sebut Harga, Tender dan eBidding	2	9 – 11 April 2013
4.	Sebut Harga, Tender dan eBidding	3	8 – 10 Mei 2013
5.	Kontrak Kementerian (MC)	1	11 – 13 Jun 2013
6.	Kontrak Kementerian (MC)	2	20 – 22 Ogos 2013
7.	Kontrak Kementerian (MC)	3	3 – 5 September 2013
8.	Kontrak Kementerian (MC)	4	22 – 24 Oktober 2013
9.	Kontrak Kementerian (MC)	5	19 – 21 November 2013
<b>Jumlah Sesi Latihan</b>		<b>9 sesi</b>	

**Jadual 2 : Takwim Pelaksanaan Latihan di ePerolehan Centre (ePC) 2013**

BIL.	MODUL	TEMPAT	TARIKH
1.	Kontrak Kementerian (MC)	ePC Kuala Terengganu	14 – 15 Mei 2013
2.	Kontrak Kementerian (MC)	ePC Kuching	18 – 19 September 2013

**Jadual 3 : Kehadiran Keseluruhan Pelaksanaan Latihan ePerolehan Tahun 2013**

BULAN	PUSAT LATIHAN	KEHADIRAN MENGIKUT MODUL			KEHADIRAN KESELURUHAN MENGIKUT BULAN
		MODUL CCDP	MODUL QT & eBIDDING	MODUL MC	
FEB	IPN	25			25
MAC	IPN		20		20
APRIL	IPN		18		10
MEI	IPN		21		38
	ePC			17	
JUN	IPN			20	20
OGOS	IPN			20	20
SEPT	IPN			18	41
	ePC			23	
OKT	IPN			12	12
NOV	IPN			20	20
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>25</b>	<b>59</b>	<b>130</b>	<b>214</b>

# Laporan Latihan Kejurulatihan

## Januari – Disember 2013

Selain latihan kepada pengguna sistem, sesi latihan kejurulatihan (*Train The Trainers - TTT*) turut diadakan pada setiap tahun bagi memantapkan kompetensi jurulatih ePerolehan dari aspek teknikal sesebuah modul di dalam Sistem ePerolehan. Selain itu juga, program tersebut turut disasarkan sebagai medan perkongsian maklumat di antara pihak eP dan jurulatih Kementerian, khususnya dalam memastikan sistem eP benar-benar dapat membantu PTJ dalam melaksanakan urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan. Sebanyak enam (6) sesi latihan telah diadakan mengikut modul kepada Jurulatih Kementerian, IPN, Unit eP dan juga Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK). Jadual 4 di bawah merupakan statistik pelaksanaan sesi latihan kejurulatihan ePerolehan mulai Januari sehingga Disember 2013 yang telah diadakan bertempat di Pusat Latihan ePerolehan, Cyberjaya.

**Jadual 4: Statistik Pelaksanaan Latihan Kejurulatihan**

BIL.	TARIKH	MODUL	PESERTA
1.	18 - 21 Mac 2013	Sebut Harga, Tender dan <i>eBidding</i>	Jurulatih Kementerian dan IPN
2.	1 – 3 April 2013	Kontrak Kementerian (MC)	Jurulatih Kementerian dan IPN
3.	7 – 9 Mei 2013	Sebut Harga dan Tender	Jurulatih Unit eP
4.	27 – 29 Mei 2013	Kontrak Pusat dan Pembelian Terus (CCDP)	Jurulatih Kementerian dan IPN
5.	4 – 6 Jun 2013	<i>eBidding</i>	Jurulatih Unit eP dan Bahagian Perolehan Kerajaan
6.	11 – 13 Jun 2013	Kontrak Kementerian (MC)	Jurulatih Unit eP dan Bahagian Perolehan Kerajaan

# Laporan Taklimat ePerolehan Januari – Disember 2013

Selain daipada latihan berbentuk **hands-on**, pihak IPN turut menganjurkan sesi taklimat pengenalan kepada peserta kursus Perolehan Kerajaan sebagai pendedahan awal tentang ePerolehan. Sesi taklimat ini juga turut dianjurkan oleh kementerian/PTJ dengan kerjasama IPN. Pada tahun 2013, sebanyak 19 taklimat pengenalan eP telah dijalankan seperti maklumat terperinci di dalam Jadual 5.

**Jadual 5 : Statistik Taklimat ePerolehan**

BIL.	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
1.	27 Februari 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara
2.	20 Mac 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara
3.	21 Mac 2013	Politeknik Metro, Kuala Lumpur	Institut Perakaunan Negara & Politeknik Metro
4.	28 Mac 2013	Crystal Crown Hotel Kuala Lumpur	Institut Perakaunan Negara & Kementerian Pengajian Tinggi
5.	24 April 2013	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor	Institut Perakaunan Negara (Zon Selatan)
6.	24 April 2013	Hotel Putra, Kuala Lumpur.	Institut Perakaunan Negara & Kementerian Pengajian Tinggi
7.	16 Mei 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara
8.	22 Mei 2013	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat	Institut Perakaunan Negara & Institut Latihan Perindustrian (ILP)
9.	30 Mei 2013	Pauh Inn, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis	Institut Perakaunan Negara (Zon Utara)
10.	5 Jun 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara

BIL.	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
11.	18 Jun 2013	Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah	Institut Perakaunan Negara & JAKIM Cawangan Sabah
12.	19 Jun 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara
13.	19 Jun 2013	Hotel Mega View Kuantan	Institut Perakaunan Negara (Zon Timur)
14.	27 Jun 2013	Pantai Puteri Resort, Tanjung Keling	Institut Perakaunan Negara & Kementerian Pengajian Tinggi
15.	30 Julai 2013	APLHA Bangi	Institut Perakaunan Negara & ALPHA Bangi
16.	29 Ogos 2013	Sumai Hotel Apartment, Kuala Terengganu	Institut Perakaunan Negara Zon Timur
17.	23 Oktober 2013	Jabatan Perhutanan Sandakan, Sabah	Institut Perakaunan Negara Zon Sabah
18.	13 November 2013	Islamic Information Centre, Kuching, Sarawak	Institut Perakaunan Negara Zon Sarawak
19.	20 November 2013	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	Institut Perakaunan Negara

# ePerolehan Berkongsi Pengalaman di London



Sistem ePerolehan Kerajaan kini diketengahkan kepada Negara-negara Islam bersempena dengan 9th World Islamic Economic Forum (WIEF) di Excel London yang berlangsung pada 29 hingga 31 Oktober 2013.

Seramai lapan delegasi daripada Kementerian Kewangan hadir ke forum ini yang diketuai oleh YBhg. Datuk Nozirah Bahri, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), yang ditemani oleh Encik Mohamed Jusoh, Pengarah Projek Perolehan Elektronik, Tuan Syed Azmin Syed Nor, Pengerusi Eksekutif Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) dan Encik Muzafer Kamal Shahaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif CDCSB.

Delegasi juga terdiri daripada para pegawai Bahagian Perolehan Kerajaan BPK dan Unit ePerolehan.

WIEF dihadiri oleh 2,000 delegasi dari Negara-negara Islam yang terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, cendekiawan, pakar serantau, pembuat dasar serta ahli perniagaan.

Bertemakan "Changing World, New Relationships", wakil CDCSB iaitu selaku rakan kongsi kepada kepada kerajaan dalam pengaplikasian sistem ePerolehan, mengedarkan kertas kerja bertajuk '**Government e-Procurement as a Means to Maximise the Effectiveness of Public Spending - A Case Study of Malaysia's Success**'.

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini menceritakan keperluan dan keberkesanan sistem ePerolehan terhadap penggunaannya. Turut dicatatkan adalah cabaran dan kejayaan sistem ePerolehan ini ke atas perkembangan ekonomi Negara.

# Bengkel NextGen eP Deployment Penuh Pengisian



Dalam menyokong Program Transformasi Perolehan Kerajaan, sistem NextGen ePerolehan direka untuk memberi lebih nilai tambah kepada pengguna sistem ePerolehan sedia ada.

Susulan itu, pelaksanaan pembangunan sistem NextGen ePerolehan perlu melalui beberapa fasa penting dan antaranya ialah fasa **deployment** yang dijadikan sebagai penanda aras bagi menentukan kejayaan sebenar Projek NextGen ePerolehan yang dijangka dilaksanakan menjelang tahun 2015.

Sempena dengan itu, bengkel **NextGen eP Deployment Kickoff** dilancarkan pada 7 November 2013 yang dihadiri lebih 40 peserta. Mereka terdiri daripada pasukan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) serta pegawai Unit ePerolehan.

Pembentangan dilakukan oleh wakil pasukan NextGen ePerolehan, CDCSB dengan menyentuh agenda berkaitan **Deployment Framework, Deployment Requirements, Deployment Readiness Approach, Workplan, dan Risk and Mitigations**.

Bengkel tersebut melibatkan perbincangan dua hala antara dua organisasi yang berlangsung dalam suasana yang lancar dengan masing-masing memberikan input dan pendapat yang memberangsangkan.

Sementara itu Puan Nor'aini Abdul Razak, Timbalan Pengarah Unit ePerolehan dalam ucapannya berkata, demi memastikan kelancaran sistem NextGen ePerolehan kelak, komitmen pasukan amatlah penting.

Pelancaran bengkel ini pula dianggap sebagai titik permulaan untuk melangkah ke hadapan dalam menghadapi cabaran yang mendarat.

"Banyak perkara yang boleh ditambah baik dan diperbincangkan, kita tahu akan ada cabaran yang lebih besar untuk melancarkan projek ini, justeru kita perlu berfikir bersama-sama dan ia memerlukan komitmen daripada semua pihak. Kami (Unit ePerolehan) terbuka untuk mengadakan perbincangan pada bila-bila masa sahaja, disamping menerapkan etika kerja yang lebih terbuka, telus dan jujur", katanya.

Pelancaran bengkel **NextGen eP Deployment Kickoff** yang diadakan di Palm Garden Hotel, Sepang dihadiri sama oleh Encik Aziz Arshad, Ketua Pegawai Teknologi CDCSB, serta Encik Abdul Halim Mohamad Yusof, Pengarah Projek NextGen ePerolehan.

# Mobile CTC Bergerak ke Kedah



Siri penjelajahan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak yang dikenali juga sebagai **Mobile CTC** telah sampai ke pelbagai destinasi merata pelusuk Negara. Pada 8 dan 9 November 2013 usaha Kementerian Kewangan untuk membawa perkhidmatan Kerajaan ke komuniti terpencil, kali ini adalah dengan menemui masyarakat di Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda, Kedah.

Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Hj Tajul Hj Mat Zain, EXCO Kanan Negeri Kedah yang dihadiri seramai 500 pengunjung dari sekitar daerah berdekatan.

Acara kali ini berjaya mendedahkan sistem ePerolehan kepada penduduk setempat dan menyerlahkan kerjasama rapat yang sedia terjalin diantara Jabatan dan Agensi dibawah naungan Kementerian Kewangan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB).



# Siri Jelajah Mobile CTC ke Seri Menanti



Selepas Kedah, Mobile CTC meneruskan siri penjelajahannya ke Negeri Sembilan.

Diadakan di Padang Awam Seri Menanti, acara dua hari ini dirasmikan oleh YB Dato' Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang juga Ahli Parlimen Seri Menanti pada 24 November 2013.

Disamping membawa perkhidmatan kepada masyarakat setempat, berbagai aktiviti lain juga dianjurkan sempena program Mobile CTC termasuk peraduan mewarna untuk kanak-kanak, sukaneka keluarga dan mengubah bunga.

Mobile CTC adalah inisiatif Kementerian Kewangan untuk membawa pelbagai perkhidmatan Kerajaan yang disediakan untuk rakyat ke kawasan luar bandar. Untuk tujuan itu, Unit ePerolehan yang disokong Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) turut serta mempromosikan sistem ePerolehan agar dapat dimanfaatkan oleh semua.



Sistem perolehan elektronik Kerajaan (sistem ePerolehan) dijadikan contoh rujukan oleh Kerajaan Tajikistan selepas mendapati Malaysia antara negara yang berjaya melaksanakan sistem tersebut.

Tajikistan yang mempunyai hampir 8 juta penduduk, meletakkan Malaysia sebagai negara Islam contoh dalam melangkah ke arah mencapai tahap negara maju ketika ini. Demikian dijelaskan oleh Mansur Hojiboboev, Pengarah Bits LLC yang juga perunding teknologi maklumat untuk Kerajaan Tajikistan.

Mansur merupakan salah seorang ahli delegasi seramai tujuh orang daripada negara Asia Tengah berkenaan. Delegasi itu mengadakan lawatan sambil belajar ke Kementerian Kewangan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB), pembangun dan operator sistem ePerolehan untuk Kerajaan. Lawatan pada 20 dan 21 November 2013 merupakan sesi 'pembuka mata' untuk mereka.

Di Kementerian Kewangan, Putrajaya, delegasi diberikan taklimat oleh para pegawai tentang dasar dan tadbir urus yang dilakukan oleh Kerajaan.

Mereka juga diberitahu bagaimana dasar yang diterapkan membantu membangunkan bidang perniagaan terutama sekali industri kecil dan sederhana negara.

Mereka kemudiannya dibawa ke ePerolehan Centre (ePC), Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre – UTC*) Kuala Lumpur di Pudu Sentral. Di sana mereka melihat sendiri bagaimana fungsi ePC dapat membantu perkembangan penggunaan ePerolehan dan para pembekal yang memerlukan perkhidmatan penggunaan sistem.

Pada 21 November 2013, delegasi melawat ke ibu pejabat CDCSB di Petaling Jaya dan diberi taklimat tentang peranan syarikat berkenaan dalam implementasi sistem ePerolehan dan perkembangan projek di Arab Saudi.

Penganalisa Perolehan Bank Dunia yang bersama delegasi, Dilshod Karimova berkata adalah amat baik sekiranya Tajikistan mempunyai satu sistem perolehan seumpama ePerolehan dan organisasinya bersedia untuk membantu negara berkenaan jika mereka mengambil keputusan untuk mengimplementasikannya kelak.



## LAPORAN AKTIVITI SEKSYEN PELAKSANAAN PEMBEKAL UNIT ePEROLEHAN, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



Sepanjang 2013, Seksyen Pelaksanaan Pembekal, Unit ePerolehan telah melaksanakan 10 sesi taklimat yang telah dilaksanakan mengikut zon seperti berikut :

ZON	TEMPAT	TARIKH
Utara	Alor Setar, Kedah	29 Ogos 2013
Timur	Kota Bharu, Kelantan	14 November 2013
Tengah	Shah Alam, Selangor	26 September 2013
Selatan	Johor Bahru, Johor	28 Oktober 2013
Sabah	Kota Kinabalu	20 Jun 2013
	Sandakan	18 Jun 2013
Sarawak	Bintulu	24 Oktober 2013
	Labuan	5 September 2013
DPMM Pulau Pinang (NGO)		13 April 2013
DPMM Kuala Lumpur (NGO)		12 Disember 2013

Seramai 1,435 orang yang terdiri daripada pembekal-pembekal Persekutuan dan pembekal-pembekal yang bermingat untuk mendaftar sebagai pembekal Kerajaan persekutuan telah menghadiri sesi taklimat berkenaan.

Pengisian program adalah meliputi pengenalan mengenai Sistem ePerolehan, panduan penggunaan sistem dan panduan pendaftaran syarikat. Sesi taklimat disampaikan oleh pegawai daripada Unit ePerolehan, Unit Pendaftaran Syarikat, Bahagian Perolehan Kerajaan dan pegawai CDCSB.

# Pelaksanaan Program eP@Desa



Program eP@Desa merupakan kerjasama antara Unit ePerolehan, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKKK) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan CDCSB



Program eP@Desa merupakan kerjasama antara Unit ePerolehan, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKKK) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan CDCSB

Program eP@Desa bermula 1 Oktober 2009 dengan menggunakan kemudahan Pusat Internet Desa (PID) dan Mini Rural Transformation Center (RTC).

Perkhidmatan pusat eP@Desa ini termasuklah pendaftaran pembekal, eP enablement pembekal, khidmat nasihat dan bantuan dalam melaksanakan transaksi eP. Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh penyelia PID dan pengurus Mini RTC. Projek ini dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan (JPP) yang dianggotai oleh Unit eP, KPKKK, KKLW dan CDCSB.

Sehingga kini terdapat Sembilan PID dan dua Mini RTC yang terlibat dengan program ini. Di mana pada tahun ini, sebanyak tiga lawatan dan mesyuarat JPP eP@Desa telah dilaksanakan iaitu PID Marang pada 30 September 2013, PID Bandar Tenggara pada 28 Oktober 2013 dan Mini RTC Kg. Sg. Hj. Muhammad, Selekok Perak pada 30 Disember 2013.

eP Centre (ePC) merupakan 'One Stop Centre' kepada pembekal yang menawarkan khidmat latihan dan bantuan teknikal. Perkhidmatan lain yang ditawarkan di ePC ialah memberi panduan dan bantuan kepada para pembekal yang memerlukan kemudahan infrastruktur bagi mengakses

eP; memberi bantuan mengenai isu-isu pendaftaran pembekal dan bagi memberi maklumat terkini mengenai sistem eP; memberi khidmat nasihat dan rundingan langkah-langkah untuk menjadi pembekal eP enable dan memberi penjelasan dan bantuan bagi membolehkan pembekal berurusan dengan Kerajaan secara atas talian. Terdapat 16 ePC di seluruh Malaysia dan pada tahun 2013, sebanyak dua ePC telah dibuka iaitu di Pahang dan Labuan dan satu ePC telah berpindah dari Wisma Persekutuan Negeri Kedah ke UTC Kedah.

## PROGRAM PENGUKUHAN eP@Desa



Program Pengukuhan eP@Desa 2013 telah diadakan pada 28 Oktober 2013. Program yang telah dihadiri oleh semua pengurus eP@Desa ini merupakan refreshment course agar mereka lebih arif tentang ePerolehan dan mengetahui perkembangan terkini berkenaan ePerolehan serta memberi peluang mengutarakan isu dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan ePerolehan mengendalikan pelaksanaan ePerolehan di pusat eP@Desa masing-masing





## HUBUNGI KAMI:

### Pembekal

**TEL :** +603 7985 7777

**FAKS :** +603 7787 1001

**E-MEL :** bantuan@eperolehan.gov.my

### Kerajaan

**TEL :** +603 7985 7888

**FAKS :** +603 7787 1001

**E-MEL :** bantuanptj@eperolehan.gov.my

